Al-Imam Ibnu Hajar Al-Haitami رضي الله عنه (wafat 974H)

Nama lengkap beliau adalah Syihabuddin Ahmad bin Hajar Al-Haitami رضي الله عنه. Lahir di Mesir tahun 909 H. dan wafat di Makkah tahun 974H. (I'anatut Talibin Juzu' I halaman 18).

Pada waktu kecil beliau diasuh oleh dua orang Syeikh, iaitu Syeikh Syihabuddin Abul Hamail رضي الله عنه dan Syeikh Syamsuddin Asy-Syanawi رضي الله عنه.

Pada usia 14 tahun beliau dipindahkan belajar masuk Jami' Al-Azhar.

Pada Universiti Al-Azhar beliau belajar kepada Syeikhul Islam Zakaria Al-Ansari رضي الله عنه dan lain-lain. Kitab-kitab karangan beliau banyak sekali, di antaranya:

1. Kitab Tohfatul Muhtaj Al-Syarhil Minhaj (10 jilid besar), sebuah kitab fiqih dalam Mazhab Syafi'i yang sampai saat ini dipakai dalam sekolah sekolah tinggi Islam di seluruh dunia, khususnya di Indonesia.

   Kitab ini setaraf dengan kitab Nihayatul Muhtaj ila Syarhil Minhaj (8 jilid besar) karangan Imam Ramli رضي الله عنه (wafat 1004H).

   Kedua-dua kitab ini adalah tiang tengah dari Mazhab Syafi'i, tempat kembali Ulama'-ulama' Syafi'iyah dalam masalah-masalah agama di Indonesia pada waktu ini.

2. Kitab fiqih Fathul Jawad.
3. Kitab fiqih Al-Imdad.
4. Kitab fiqih Al-Fatawa.
5. Kitab fiqih Al-'Ubad.
6. Kitab Fatawa Al-Haditsiyah.

7. Kitab Az-Zawajir, Fightirafil Kabaari.
8. Asy-Syawa'iqul Muhriqah Firradi Al-Azzindiqah.
9. Dan banyak lagi yang lainnya.

Perlu diperingkatkan kepada pembaca bahawa dalam lingkungan Ulama'-ulama' Syafi'iyah terkenal dua orang Ibnu Hajar, iaitu:

1. Ibnu Hajar Al-'Asqolani ﵁ (wafat 852H) pengarang kitab Fathul Bari Al-Syarhil Bukhari dan kitab hadits Bulughul Maram dan lain-lain.
2. Ibnu Hajar Al-Haitami ﵁ (wafat 974H), pengarang kitab Tohfah yang kita bicarakan sekarang ini.

Tetapi yang sangat terkemuka di antara dua orang Ulama' Ibnu Hajar ini, adalah Ibnu Hajar Haitami ﵁ kerana Ibnu Hajar Al-'Asqolani ﵁ lebih banyak kesibukannya dalam ilmu hadits daripada ilmu fiqih.

Sumber : Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafi'i, Oleh K.H Sirajuddin Abbas.